

~~602 - 22/80~~⁸

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DIMAJLIS
PERASMIAN HOTEL GOLDEN SANDS,
PULAU PINANG, PADA HARI SABTU
15HB. MAC, 1980 - JAM 5.30 PETANG.

1. Yang Berbahagia Encik Robert Kuok,
Pengerusi Lembaga Pengarah,
Golden Sands Hotel dan Puan
Joyce Kuok,
2. Yang Teramat Mulia, Tunku Abdul Rahman dan
Tun Sharifah Rodziah,
3. Yang Amat Berhormat,
Dr. Lim Chong Eu,
Ketua Menteri Pulau Pinang, dan
Puan Lim,
~~Tuan-tuan Yang Terutama Duta-Duta dan
Counselor,
Ahli-ahli Lembaga Pengarah,
Encik Lee Thian Seng, Pengurus Besar,
Para hadirin yang dihormati, dan~~
4. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

2.

Perkembangan perusahaan hotel di Pulau

Pinang, membuktikan keyakinan pelabur, terhadap

masa depan perusahaan pelancungan di negeri ini.

Daya penarik keindahan alam semula jadi Pulau

Pinang, yang terkenal sebagai Pulau Mutiara Timur,

serta kemajuan dan perkembangan pesatnya dalam

bidang perindustrian, telah menjadikan negeri ini

tempaan
~~destinasi~~ utama, para pelancung dari luar negeri

ke Malaysia.

2. Dengan pembukaan resmi hotel yang

terbaru ini, Pulau Pinang kini mempunyai lebih

20 buah hotel yang bertaraf antarabangsa, dengan

3.

bilangan bilik sejumlah empat ribu. Lapan buah daripada hotel-hotel yang terkemuka, adalah di kawasan pantai Batu Feringgi dan Tanjung Bunga. Perkembangan perusahaan hotel di kawasan ini, telah dapat mewujudkan lebih dua ribu pekerjaan.

3. Saya merasa amat bangga, kerana, dengan secara tidak langsung, dapat peluang melibatkan diri dalam proses kemajuan perusahaan hotel di Pulau Pinang. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada pihak pengurusan dan pengusaha hotel Golden Sands,

4.

khususnya kepada Encik Robert Kuok, kerana memberi penghormatan kepada saya meresmikan hotel yang terbaru di kawasan pantai ini.

4. Berdasarkan kepada pertumbuhan sekarang, saya difahamkan bahawa perusahaan hotel akan terus berkembang di seluruh negara, terutamanya di bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang, Kota Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu. Di Pulau Pinang sahaja, adalah dianggarkan bahawa tambahan sejumlah tiga ribu bilik hotel bertaraf antarabangsa, akan dibina menjelang tahun 1985. Perkembangan ini akan mewujudkan dua ribu lagi peluang pekerjaan.

5.

Di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, adalah dijangkakan bahawa kira-kira empat ribu peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan dalam jangka masa tersebut, hasil dari perkembangan perusahaan hotel. ~~Di bandar-bandar besar yang lain perusahaan hotel turut berkembang.~~

5. Memandangkan keperluan tenaga manusia yang dikehendaki begitu ramai, maka langkah-langkah yang lebih berkesan perlu diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan, supaya peluang pekerjaan yang diperlukan itu kelak, dapat dipenuhi oleh tenaga mahir tempatan yang terlatih. Saya difahamkan bahawa perusahaan hotel, terutamanya hotel-hotel

6.

yang bertaraf antarabangsa, masih mengalami kekurangan tenaga mahir tempatan, terutamanya Bumiputra, dan khususnya bagi jawatan-jawatan pengurusan dan ikhtisas, serta teknikal dan pengawasan.

6. Saya menggesa pihak-pihak pengurusan hotel dan Persatuan Pengusaha-Pengusaha Hotel, supaya mengatasi masalah ini. Mereka hendaklah menghubungi serta merundingkan nya dengan agensi yang menjalankan kursus-kursus pengurusan hotel dan makanan, bagi mendapatkan tenaga pekerja mahir yang diperlukan. Perancangan yang menitikberatkan

...7/-

7.

latihan praktikal bagi menampong keperluan hotel-hotel, patutlah dibuat bersama, diantara pihak hotel atau Persatuan Pengusaha-Pengusaha Hotel, dengan agensi ini. Perancangan yang di satu dan diselaraskan, akan dapat membantu melicin dan memesatkan lagi perkembangan perusahaan hotel.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

7. Selain dari memastikan langkah-langkah berhubung dengan keperluan tenaga pekerja, pihak pengurusan dan pengusaha hotel hendaklah juga memikirkan suatu pendekatan baru, bagi memesat

8.

serta meningkatkan penyertaan penduduk-penduduk tempatan. Berbagai aliran perusahaan dapat diwujudkan, bagi menampung keperluan pengusaha hotel, khususnya di Pulau Pinang ini, dan terutamanya di kawasan pantai Batu Feringgi dan Tanjung Bunga.

8. Dalam pembinaan sesebuah hotel, pengusahanya tentu memerlukan perkakas-perkakas perabut; dan apabila perusahaan hotel ini berjalan, tentu pengurusannya / memerlukan berbagai bekalan seperti buah-buahan, sayuran, ikan, daging dan ayam-itek. Perusahaan pengangkutan juga diperlukan di hotel-hotel.

...9/-

9.

9. Pengusaha-pengusaha hotel, samada secara bersendiri, kumpulan atau secara usahasama dengan badan atau agensi Kerajaan, boleh mempelupuri perusahaan-perusahaan aliran ini dengan menggunakan tenaga kerja tempatan. Di samping dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih luas, pengusaha atau pengurusan hotel dapat memastikan bekalan yang tetap dan terjamin, serta menentukan mutu bahan-bahan dan kecekapan bekalan yang diperlukannya. Selain daripada faedah-faedah ini, pengusaha atau pengurusan hotel boleh mendapatkan bekalan ini dengan harga yang lebih berpatutan.

...10/-

10.

~~Mendapatkan bekalan dari punca pengeluarannya sendiri adalah jauh lebih murah, daripada mendapatkannya melalui pemborong atau orang-tengah.~~

10. Saya menggesa pihak pengusaha hotel dan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan, supaya mengkaji kemungkinan menjalankan perusahaan-perusahaan aliran ini secara usahasama dan tempatan, supaya perkembangan perusahaan hotel dapat memberi faedah yang lebih luas kepada penduduk-penduduk. Inilah bidang-bidang baru yang boleh diterokai oleh SEDC, Majuikan, MAJU Ternak, MARA atau UDA dalam usaha mereka hendak

...11/-

11.

membantu rakyat dan penduduk tempatan menyertai dan melibatkan diri dalam bidang perusahaan dan perniagaan.

11. Satu lagi usaha di mana pihak pengusaha atau pengurusan hotel dapat memberikan kerjasamanya kepada rakyat tempatan, ialah dalam bidang kebudayaan.

Memang terdapat bahan-bahan tempatan yang boleh digalakkan dan diketengahkan. Mereka ini terdapat dalam berbagai cabang seni seperti seni lukis, seni ukir, seni tarian, hiasan dan muzik.

12. Menyentuh berkenaan dengan barang-barang ukiran dan hiasan tradisional, hasil pembuatan

12.

yang lebih bermutu dan mengusahakannya secara lebih teratur, patutlah dapat diwujudkan dan diadakan. Saya penuh yakin Perbadanan Kraftangan Malaysia dapat meneliti bidang ini, supaya hasil mutu pengeluaran yang lebih tinggi dan persembahan yang lebih menarik, dapat dipamerkan untuk para pelancung.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

13. Saya merasa amat bangga kerana perkembangan perusahaan hotel di kawasan pantai ini, telah dapat juga meningkatkan kegiatan ekonomi penduduk Bumiputra di Batu Feringgi

...13/-

13.

dan Tanjung Bunga. Bilangan gedung jualan barang-barang kerajinan dan gerai-gerai makanan telah bertambah. ~~Para pelancong hari ini, terutamanya mereka yang datang dari luar negeri, ingin melihat tempat-tempat yang indah dan bersejarah, mempelajari cara hidup penduduk-penduduk, dan membawa balik menikmati makanan yang lezat-lezat, kenangan-kenangan manis sebagai mengingati lawatan mereka.~~

14. Malaysia telah mendapat faedah dari perkembangan perusahaan pelancongan. Tempat-tempat penginapan hotel yang bermutu, barang-barang makanan yang senang di dapati, kemudahan

...14/-

14.

pengangkutan yang selesa, serta budi-pekerti baik penduduk-penduduk, adalah faktor sumbangan, menarik perhatian dan galakan pelancung-pelancung luar negeri ke negara kita. Pihak berkuasa Pulau Pinang patutlah juga menyediakan lebih banyak kemudahan-kemudahan harian atau 'day-use facilities' terutamanya di kawasan pantai Batu Feringgi dan Tanjung Bunga bagi menarik lebih ramai lagi pelancung-pelancung tempatan.

15. Pengusaha dan pengurusan hotel serta penduduk-penduduk tempatan, mestilah bekerjasama dengan pihak berkuasa menjaga

15.

kebersihan dan keindahan kawasan pantai.

Kecemaran boleh menjejaskan minat pelancung mengunjungi kawasan ini dan seterusnya negeri ini. Pembangunan yang sesak dan tidak teratur boleh juga mencemar nama baik Pulau Pinang sebagai Pulau Mutiara Timur. Jagalah nama baik serta kekalkan hemah yang tinggi dan budibahasa yang halus dalam usaha kita hendak memajukan perusahaan pelancungan.

16. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih serta penghargaan kepada pihak pengurusan hotel Golden Sands di atas penghormatan

...16/-

16.

yang telah diberikan kepada saya di majlis ini.

Saya ucapkannya selamat maju jaya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

17. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya

mengisytiharkan hotel Golden Sands ini dibuka

dengan resminya.

Terima kasih.



No Siri	473
No Penerimaan	163/80